

KUATKUASA KAWALAN HARGA BARANG DAN RANTAIAN BEKALAN DALAM KERANGKA PERUNDANGAN DI MALAYSIA

CONTROL OF GOODS AND SUPPLY CHAIN IN LEGAL FRAMEWORK IN MALAYSIA

Alias Azhar¹
Nazli Binti Mahdzir²
Nor Anita binti Abdullah³
Yusramizza Binti Md Isa @ Yusuff⁴
Fathiyyah Binti Abu Bakar⁵

¹School of Law, UUMCOLGIS, Sintok, Kedah, az.alias@uum.edu.my

²School of Law, UUMCOLGIS, Sintok, Kedah, mnazli@uum.edu.my

³School of Law, UUMCOLGIS, noranita@uum.edu.my

⁴School of Law, UUMCOLGIS, Sintok, Kedah, yusramizza@uum.edu.my

⁵Tunku Puteri Intan Syafinaz School of Accountancy (TISSA-UUM), fathiyyah@uum.edu.my

Accepted date: 10 April 2017

Published date: 5 July 2017

To cite this document:

Azhar, A., Mahdzir, N. B., Abdullah, N. A. b., Yusuff, Y. B. M. I., & Bakar, F. B. A. (2017). Kuatkuasa Kawalan Harga Barang Dan Rantai Bekalan Dalam Kerangka Perundangan Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 2(4), 13-23.

Abstract: *Issues concerning consumers victimised by the upsurge in prices of basic goods are prevalent despite the frequent price control enforcement. The consumers have a no-choice option but to purchase items at higher prices than actual prices warrant. Even though the consumer protection law is primarily designed to develop the consumers' market power, local markets have been still dominated by sellers and suppliers. Thus, law as the predominant mechanism for consumer protection should be effective and practicable uniformly undertaken by all relevant parties. This study deploys a socio-legal research methodology which combines the library-based method and descriptive approach that focuses on content analysis of statutes. The said statutes mainly include the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 which deals with price control and replaces the Price Control Act 1946 and Competition Act 2010 which closely relates to the issue of monopoly in specific reference to food supply chain system directly influencing the price increase. The study aims to examine and evaluate the legislative provisions relating to price and supply chain control. There emerges a need to build a standardised legal framework to be implemented by those who involve in curbing unreasonable price rises and monopoly in good supply. This further ensures an effective control enforcement of prices of goods and supply chain in Malaysia.*

Keywords: *Price Control, Profiteering, Monopoly, Tribunal, Consumer, Supply*

Abstrak: *Isu-isu pengguna yang tertindas akibat dari kenaikan harga barangan asas sering kedengaran walaupun kuatkuasa sering dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat. Pengguna tidak mempunyai pilihan sehingga terpaksa membeli biarpun dengan harga yang lebih tinggi dari yang sepatutnya. Walaupun undang-undang perlindungan pengguna diasaskan untuk menjadikan pengguna sebagai kuasa pasaran, namun, hakikatnya pasaran tempatan masih didominasi oleh penjual dan pembekal. Justeru itu, undang-undang sebagai mekanisme utama untuk melindungi pengguna haruslah efektif dan boleh dilaksanakan secara seragam oleh semua pihak yang terlibat. Kajian menggunakan kaedah kajian perundangan sosial yang menggabungkan metod perpustakaan dan deskriptif fokus kepada analisis kandungan akta-akta berkaitan kawalan harga menerusi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang menggantikan Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Persaingan 2010 yang berkait rapat isu monopoli merujuk khusus sistem rantaian bekalan barang makanan yang memberi kesan langsung kepada kenaikan harga barang. Kajian bertujuan mengkaji dan menilai peruntukan perundangan kawalan harga dan rantaian bekalan. Satu keperluan diwujudkan satu kerangka perundangan yang seragam untuk digunapakai oleh semua pihak yang terlibat dalam membendung kenaikan harga barang secara tidak munasabah dan monopoli bekalan barangan. Selain menjamin keberkesanan proses penguatkuasaan pemantauan harga barang dan rantaian bekalan di Malaysia.*

Kata kunci: *Kawalan harga, Pencatutan, Monopoli, Tribunal, Pengguna, Bekalan*

Pendahuluan

Sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi pasaran bebas yang lebih hampir kepada sistem ekonomi campuran (kapitalis dan pasaran bebas). Dalam konteks ekonomi bebas, pengaruh pasaran memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Sikap segelintir peniaga yang mementingkan keuntungan semata-mata yang bertindak memanipulasi dan menaikkan harga barang adalah antara punca kenaikan harga barang. Kenaikan harga barang oleh peniaga-peniaga ini dapat dilihat seolah-olah sebagai mengambil kesempatan ke atas pengguna-pengguna dengan membuatkan mereka berasa tiada pilihan sehingga terpaksa membeli biarpun dengan harga yang lebih tinggi dari yang sepatutnya atau membeli barangan yang mempunyai kualiti yang rendah. Perkara sebegini sangat membimbangkan masa depan kepenggunaan negara (Zalina Zakaria,2007).

Setiap aktiviti di dalam rantaian ini perlu diuruskan dengan berkesan agar dapat memberi kepuasan yang maksimum kepada semua pihak yang terlibat terutamanya pengguna yang merupakan individu terakhir yang menerima manfaat daripada sistem rantaian ini. Maka, cabaran besar yang menanti dalam rantaian bekalan ini ialah untuk memastikan pengeluar mendapat pendapatan yang tinggi dan pada masa yang sama pengguna mendapatkan produk tersebut dengan harga yang berpatutan.

Walaupun undang-undang yang bermotifkan perlindungan kepada hak-hak pengguna telah pun wujud, timbul pula persoalan penting iaitu aspek perlindungan pengguna daripada kenaikan harga barang yang tidak munasabah. Di samping wujud monopoli dalam rantaian bekalan barangan yang memberi kesan langsung terhadap kenaikan harga barang. Artikel ini akan membincangkan kerangka perundangan di Malaysia yang menjamin perlindungan pengguna dalam isu tersebut.

Perlindungan Dan Keadilan Pengguna

Senario pasaran barangan dan perkhidmatan kini menyaksikan pasaran dominasi peniaga atau pembekal. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berusaha gigih melancarkan Operasi Antipencatutan (Ops Catut) untuk menjejaki peniaga yang menaikkan harga barangan secara keterlaluan untuk memberi tekanan terhadap segelintir peniaga yang menguasai rantaian bekalan ini. Lantaran itu, satu model garis panduan yang seragam untuk digunapakai oleh semua pihak yang terlibat dalam membendung kenaikan harga barang secara tidak munasabah dan monopoli rantaian bekalan. Ia juga dapat mewujudkan keseimbangan kuasa antara peniaga dan pengguna (Sakina Shaik,2008).

Merujuk persoalan berhubung pengguna dan keadilan, isu hak-hak asasi pengguna adalah perkara pokok kepada landasan keadilan pengguna. Terdapat lapan hak pengguna yang perlu dijaga dan dipelihara di mana jika berlaku sebarang pencerobohan kepada hak ini, maka akan timbulah persoalan 'keadilan' yang mesti diperjuangkan oleh pengguna dan diletakkan semula pada tempatnya. Salah satu hak tersebut adalah hak pengguna untuk mendapat gantirugi. Memandangkan bentuk pasaran adalah menjadi dominasi peniaga, maka tidak menghairankan kes-kes penindasan dan penipuan ke atas pengguna berlaku saban waktu dalam mendapatkan gantirugi, pengguna perlu diberikan pendidikan dan kesedaran berhubung akses kepada keadilan yang boleh mereka selusuri (Azimon Abdul Aziz, et.al: 2011).

Usaha membangkitkan kesedaran pengguna, kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan dan usaha berterusan dalam memberi gambaran tentang hak dan tanggungjawab pengguna, khususnya dengan penguatkuasaan Akta Pelindungan Pengguna 1999. Menyorot perkembangan undang-undang pengguna sebelum Akta Pelindungan Pengguna 1999 ini, tidak dinafikan bahawa Malaysia cuba untuk merangka undang-undang yang bermotifkan kepentingan pengguna dengan bertunjangan pendekatan universal mengenai hak-hak asasi pengguna yang telah diperjuangkan oleh J.F. Kennedy pada tahun 1962 dan International Organization of onsumer Unions (IOCU) (Azimon Abdul Aziz, et.al: Ibid.).

Kawalan bermaksud usaha atau tindakan mengenakan (menjaga, mengawasi), manakala harga pula didefinisikan sebagai nilai sesuatu barang dengan (kiraan) wang. Maka, dapat dirumuskan maksud kawalan harga adalah tindakan mengenakan sekatan terhadap nilai barangan daripada dinaikkan sesuka hati yang biasa dilakukan oleh peniaga dan juga peruncit. Menteri berkuasa menetapkan apa-apa barang yang hendak dikawal harganya secara undang- undang. Ini mengikut kepada permintaan terhadap sesuatu barangan keperluan.

Merujuk khusus barangan terkawal sebagai benda atau perkhidmatan yang dijualbelikan tetapi barangan tersebut dikawal daripada segi harganya agar para peniaga tidak dapat menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Kebanyakan harga bagi barang terkawal adalah dijual di bawah atau mengikut paras harga maksimum seperti yang telah ditetapkan diperingkat borong dan runcit. Penguatkuasaan yang dilakukan ialah bermula dari pembekal barangan berkenaan sehinggalah kepada pemborong. Pembekal dan pemborong perlulah mendaftarkan pergerakan mereka dan perlulah mendapat lesen terlebih dahulu.

Isu barangan terkawal sering menjadi paparan dalam media massa terutamanya di musim perayaan. Terdapat perbezaan antara barangan terkawal semasa musim perayaan dan pada waktu-waktu biasa. Kebiasaannya, barang-barang yang dijadikan barang kawalan semasa musim perayaan adalah melibatkan barang basah dan bahan masakan. Hal ini berlaku kerana

pada musim perayaan, permintaan terhadap barang-barang seperti ayam, tepung, telur dan bawang adalah lebih tinggi berbanding hari-hari biasa. Dengan kata lain barangan tertentu melebihi pengeluaran.

Justeru, ini menyebabkan terdapat segelintir peniaga yang cuba mengambil kesempatan mengenakan harga yang tinggi dengan sewenang-wenangnya. Faktor inilah yang memaksa pihak kerajaan mengenakan kawalan harga bagi sesetengah barangan bagi menjaga kebajikan pengguna. Namun begitu, ada juga sesetengah peniaga yang tidak mengikut harga yang telah ditetapkan, malah berani mengenakan harga melepasi harga siling. Harga siling ini adalah untuk memastikan pengguna dapat menikmati harga barangan pada kadar yang munasabah.

Kerajaan berusaha membantu pengguna meringankan tekanan akibat penindasan dan penganiayaan oleh peniaga-peniaga dan pihak-pihak yang lebih dominan dalam transaksinya dengan pengguna. kerajaan telah menghasilkan satu sistem keadilan yang boleh diakses oleh pengguna tanpa mengira batasan. Ini disebabkan pemerhatian bahawa mahkamah bukanlah tempat aduan yang popular untuk dikunjungi oleh pengguna bagi menyelesaikan kes mereka. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) adalah sebuah badan bebas yang diwujudkan pada 15 November 1999 di bawah Seksyen 85 Akta Perlindungan Pengguna 1999. Ia merupakan salah satu mekanisme keadilan pengguna yang mirip kepada system mahkamah dari segi pemfailan kes, yang membezakan adalah dari segi prosedur dan formalitinya yang lebih ringkas, mudah dan mesra.

Sebelum penubuhannya, sebarang tuntutan ganti rugi oleh seorang pengguna terhadap seorang peniaga dibawa ke Mahkamah Sivil. TTPM telah berjaya meremеди kepincangan yang wujud dalam perundangan perlindungan pengguna. Ketiadaan mekanisme penyelesaian pertikaian yang berkesan dalam arena perdagangan pengguna dilihat sebagai salah satu punca kelemahan perundangan perlindungan pengguna sebelum 1999. Objektif TTPM adalah untuk menyediakan saluran alternatif kepada mahkamah bagi membolehkan pengguna memperoleh remedi dengan mudah, murah dan cepat. TTPM yang menerapkan ciri-ciri penghantaran dan timbang tara ini membolehkan penyelesaian dicapai terlebih dahulu melalui rundingan sesama pihak bertikai dengan TTPM sebagai pengantara. TTPM terdiri daripada seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan tidak kurang daripada lima orang anggota yang dilantik oleh Menteri. Berdasarkan seksyen 98, bidang kuasa TTPM terhadap jumlah tuntutan yang tidak melebihi RM25,000.00.

Perkembangan Perundangan Kawalan Harga Barang

Sebelum 1999, urusan jualan barang yang melibatkan pengguna di Malaysia adalah dikawal oleh Akta Jualan Barangan 1957 (AJB) dan Akta Kontrak 1950 (AK). Bagi memantapkan lagi perlindungan pengguna di negara ini, Kerajaan telah memperkenalkan APP 1999. Bahagian V, VI dan VII APP menyediakan perlindungan bagi urusan pembekalan barang yang melibatkan pengguna. Berbeza dengan AJB, perlindungan yang diberikan oleh APP ini merangkumi bukan sahaja terhadap pembekal malahan tuntutan kini boleh dibawa terhadap pengilang (Shakina Shaik,2008).

Hasil yang boleh dilihat daripada usaha ini adalah dengan terciptanya pelbagai jenis perundangan yang bersandarkan hak asasi pengguna, antara lainnya melindungi hak pengguna berhubung aspek mutu dan keselamatan produk seperti makanan dan ubat-ubatan yang

dikawal oleh Akta Makanan 1983, Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Timbang dan Sukat 1972, Akta Sewa beli 1967 dan Akta Jualan Langsung 1963, manakala bagi memelihara keperluan asas pengguna terhadap tempat tinggal, Akta mengenainya adalah Akta Pemaju Perumahan 1966 dan bagi hak dalam aspek harga dan bekalan, undang-undang seperti Akta Kawalan Harga 1946, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Sewa 1966 adalah undang-undang yang dikhususkan untuk membantu pengguna menegakkan haknya serta beberapa lagi perundangan lain yang selaras dengan hak-hak universal pengguna.

Merujuk khusus Akta Kawalan Harga 1946 dan perundangan-perundangan subsidiari di bawahnya adalah bertujuan untuk menentukan harga barang- barang adalah berpatutan dalam sebarang keadaan dan dalam masa yang sama memberi peluang kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga sebelum membeli barang-barang. Terdapat beberapa jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah akta ini. Salah satunya adalah seperti kesalahan gagal melabelkan barang-barang yang tersedia bungkus dengan maklumat, nama dan alamat pengeluar atau pengimport, berat dan kuantiti, bahan kandungan di dalamnya serta nama sebutan sebenar barang itu. Kegagalan meletakkan tanda harga pada barang jualan juga menjadi kesalahan di bawah akta ini.

Peniaga juga boleh dikenakan denda sekiranya gagal meletakkan harga runcit pada barang-barang terkawal. Kini Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 adalah akta terbaru yang menggantikan Akta Kawalan Harga 1946. Ia digubal bagi mewujudkan sebuah mekanisme menghalang dan melarang peniaga menaikkan harga barang tanpa sebab dan peniaga tidak boleh menaikkan harga barang serta mengaut untung berlebihan sesuka hati sehingga menyusah dan menekan pengguna yang sedikit sebanyak sama-sama membantu memajukan perniagaan mereka. Sekiranya melanggar peraturan tersebut, mereka akan berdepan hukuman berat bagi menyekat sikap tamak dan tidak amanah berkenaan.

Selaras dengan kewujudan akta itu juga ditubuhkan Majlis Penasihat Harga Barang dianggotai golongan peniaga, pengguna dan pegawai kementerian yang akan menjalankan pemantauan ke atas semua peniaga. Jika didapati peniaga menaikkan harga barang tanpa sebab, jawatankuasa terbabit akan membuat laporan dan tindakan tegas akan diambil ke atas mereka. Melalui akta baru ini pihak berkuasa boleh bertindak segera terhadap peniaga yang mengaut keuntungan secara berlebihan dan akan menjadi satu lagi platform penting yang menjaga hak dan kepentingan pengguna. Pelaksanaan undang-undang itu, ia akan dapat menghalang peniaga daripada menaikkan harga sesuatu barangan tanpa sebab di negara kita.

Cara terbaik bagi mengatasi sikap tamak ini ialah melalui penguatkuasaan undang-undang yang mantap dan komprehensif. Oleh itu, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 diwujudkan bagi menyekat peniaga membuat keuntungan tanpa had dan akta ini juga membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap peniaga tanpa menunggu aduan daripada pengguna.

Kerangka Perundangan Kawalan Harga Dan Rantian Bekalan Barangan

Di Malaysia terdapat dua (2) statut khusus yang menjadi rujukan dalam kuatkuasa dan kawalan harga barang dan rantian bekalan barangan. Iaitu Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Persaingan 2010.

i) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011

Sebelum ini pengawalan harga barang tidak dapat dilakukan kerana tidak ada akta khusus untuk berbuat demikian. Melalui Akta Kawalan Harga 1946 sedia ada, kerajaan hanya boleh mengawal harga terhadap barangan yang diwartakan saja, tetapi melalui akta baru itu, kerajaan berupaya mengawal peniaga daripada menaikkan harga sesuka hati. Semua peniaga diwajibkan menjual harga barang terkawal mengikut harga maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan dan meletakkan tanda harga berwarna merah jambu pada barangan tersebut. Tindakan tegas akan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim berkenaan. Peniaga yang menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum boleh didenda sehingga RM 100,00 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali atau dikompaun sehingga RM 50,000. Syarikat yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM 500,00 atau dikenakan kompaun sehingga RM 250,00. Peniaga yang gagal meletak tanda harga merah jambu pula akan didenda sehingga RM 10, 000 atau dikompaun sehingga RM 5,000 dan syarikat yang gagal melakukannya boleh didenda RM 20,000 atau dikompaun sehingga RM 10,000.

Selanjutnya, Akta Kawalan Harga 1946 telah diperhebat dan ditambahbaik dengan pengenalan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Ia digubal bagi mewujudkan sebuah mekanisma bagi menghalang dan melarang peniaga dari menaikkan harga barangan tanpa sebab dan mengaut keuntungan secara berlebihan sehingga menekan pengguna.

Akta ini dan peruntukan-peruntukan subsidiari dibawahnya adalah bertujuan untuk menentukan harga barang-barang adalah berpatutan dalam sebarang keadaan dan dalam masa yang sama memberi peluang kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga sebelum membeli barangan. Terdapat beberapa kesalahan yang boleh dikenakan hukuman dibawah akta ini. Salah satunya adalah seperti kesalahan gagal meletakkan tanda pada barangan yang dipamerkan untuk jualan serta kesalahan gagal melabelkan barang-barang yang tersedia bungkus dengan maklumat nama dan alamat pengeluar atau pengimport, berat dan kuantiti barangan, kandungan bahan didalamnya serta nama sebutan sebenar barangan terbabit. Peniaga yang didapati melakukan kesalahankesalahan di bawah akta ini boleh dikenakan tindakan didenda atau dikompaun.

Di bawah akta ini, terdapat 3 perintah yang diwujudkan bagi membantu kementerian untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap akta ini.

1. Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2013
2. Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2013
3. Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memberi perhatian yang serius ke atas harga barangan dalam negara. Kementerian sedar bahawa harga barangan adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. KPDNKK sentiasa membuat pemantauan dan mengambil tindakan yang tegas terhadap mana-mana pihak yang menaikkan harga barangan dengan sesuka hati tanpa mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah mengadakan lawatan secara mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan penjual mematuhi peraturan yang telah ditetapkan atau tidak

bersikap seperti lintah darat. Contohnya, mana-mana pihak yang menaikkan harga barangan dengan sesuka hati atau cuba mengambil kesempatan hendaklah didakwa di mahkamah.

Tindakan ini akan menyebabkan mereka tidak berani untuk mengambil kesempatan dalam suasana negara menghadapi kenaikan harga barang. Kawalan harga melalui undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (menggantikan Akta Kawalan Harga 1946). Dalam akta ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan melantik seorang pengawal harga, timbalan pengawal harga dan pegawai-pegawai lain dilantik untuk melaksanakan peraturan yang terdapat di bawah akta ini. Pengawal harga, dengan kelulusan Menteri KPDNKK, diberi kuasa untuk menentukan harga dan caj maksimum, minimum atau tetap harga dan perkhidmatan bagi setiap rangkaian pembekalan daripada peringkat pengeluar sehingga peruncit. Akta ini juga meneruskan peraturan dalam Akta sebelum ini, iaitu penjual barang dan perkhidmatan hendaklah mempamerkan senarai harga barang dan perkhidmatan di tempat yang mudah untuk dilihat oleh pelanggan.

Kepentingan utama akta ini adalah untuk menetapkan peraturan bagi memastikan tidak ada peniaga menjual barang atau perkhidmatan dengan harga yang tidak munasabah. Akta ini memberi kuasa kepada Menteri KPDNKK untuk menetapkan satu mekanisme penetapan harga yang munasabah berdasarkan elemen-elemen dalam penetapan harga, seperti cukai, kos pembekal, keadaan penawaran dan permintaan, keadaan geografi dan pasaran serta faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi kedudukan harga.

Peniaga atau syarikat yang melakukan kesalahan di bawah akta ini boleh dikenakan hukuman denda sekiranya disabitkan kesalahan. Bagi individu yang melakukan kesalahan pertama, mereka boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan berikutnya, mereka boleh dikenakan denda sehingga RM250,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Bagi syarikat pula, sekiranya disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000, manakala untuk kesalahan seterusnya, dikenakan denda sehingga RM1 juta. Melalui akta baru ini juga, pihak berkuasa boleh bertindak segera terhadap peniaga yang mengaut keuntungan secara berlebihan.

Selaras dengan penambahbaikan akta ini juga, penubuhan Majlis Penasihat Harga Barang ang dianggotai golongan professional, pihak peniaga, pengguna dan wakil kementerian turut dilaksanakan bagi membantu pihak kerajaan menjalankan pemantauan ke atas peniaga. Majlis ini berperanan untuk menasihatkan Menteri KPDNKK berkaitan dengan perbuatan mengaut keuntungan yang berlebih-lebihan dan hal-hal lain yang berkenaan dengan harga serta caj barang dan perkhidmatan. Majlis Penasihat Harga ini dianggotai oleh Ketua Setiausaha KPDNKK atau wakilnya dan 10 orang ahli lain, yang terdiri daripada empat orang wakil daripada kerajaan dan enam orang daripada orang awam, industri dan pertubuhan bukan kerajaan.

Berikut adalah senarai Harga Barangan Terkawal dan harga maksimum bagi barang terkawal itu ialah; (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

1- Ayam hidup (RM5.70)

2- Ayam standard yang disembelih dan dibersihkan beserta kaki, kepala, hati dan hempedal (RM6.80)

- 3- Ayam super yang disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal (RM7.60).
- 4- Daging lembu tempatan (RM22.00)
- 5- Daging lembu import-harga maksimum di Sarawak sahaja (RM24.00)
- 6- Daging kerbau tempatan (RM21.00) Daging kerbau import India (RM13.50)
- 7- Telur ayam gred A (RM0.35 sen)
- 8- Telur ayam gred B (RM0.34 sen)
- 9- Telur ayam gred C (RM0.33 sen)
- 10- Kubis bulat import-Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing (RM3.20)
- 11- Cili merah (RM10.00) Tomato (RM4.50)
- 12- Kelapa parut-harga maksimum di peringkat runcit saja (RM6.00)
- 13- Kacang tanah import (RM6.50)
- 14- Bawang merah kecil India (RM5.00)
- 15- Bawang besar import (RM2.50)
- 16- Bawang putih China (RM7.50)
- 17- Ubi kentang import China (RM3.00)
- 18- Ikan kembung (RM12.00).

Bagi menjelaskan isu ini perlu diketahui bahawa setiap barang atau produk mempunyai nilai atau harganya berdasarkan kualiti atau mutu serta bahan yang digunakan untuk menghasilkannya. Jika ia diperbuat dari bahan yang berkualiti dan mempunyai piawaian atau standard yang tertentu sudah semestinya ia mempunyai nilai yang berharga. Selain itu, semua barangan sama ada keperluan harian seperti makanan dan minuman, pakaian, kenderaan, rumah kediaman, malah apa saja yang melibatkan pengguna, termasuklah tambang pengangkutan awam turut sama dalam kategori perlu kepada kawalan harga. Selain dari itu, jika harga barangan tidak dikawal ia akan mengakibatkan kuasa pembeli makin mengecil dan kurang berlaku proses jualbeli. Kesannya ialah ekonomi negara tidak dapat berkembang kerana para pengguna tidak mahu berbelanja sebaliknya hanya memilih barangan tertentu sahaja untuk dibeli seperti barang makanan harian.

ii) Akta Persaingan 2010

Rantiaian bekalan adalah satu sistem yang melibatkan pergerakan fizikal sesuatu barangan atau bahan mentah yang disokong oleh pengaliran maklumat dan transaksi kewangan (Evans & Collier, 2007). Ia mempunyai beberapa proses seperti pengeluaran, pengiriman, penyimpanan, pengedaran dan penjualan sesuatu produk bagi memenuhi permintaan pengguna. Ia melibatkan semua aktiviti yang membolehkan produk tersebut dapat digunakan oleh pengguna. Antara aktiviti yang terlibat ialah pembuatan atau pengeluaran, pengangkutan (membawa produk dari tempat pengeluaran kepada pengedar atau pemborong, penyimpanan, pengedaran daripada kuantiti yang besar kepada kuantiti yang dan akhirnya kepada peruncit yang menjual produk-produk tersebut.

Tujuan rantiaian bekalan ini diwujudkan adalah untuk memastikan sesuatu produk itu berada pada tempat dan masa yang sesuai bagi memenuhi permintaan pengguna. Rantiaian bekalan ini perlu diuruskan dengan bijak untuk mengelak berlakunya lambakan atau kekurangan stok produk terbabit, menjimatkan kos, mewujudkan keupayaan dayasaing yang tinggi (competitive advantage) dan menawarkan kualiti dan kepuasan kepada pengguna (Mohamad Zailani, Ahmad, Abd Wahid, Othman, & Fernando, 2010; Nik Mohd Masdek & Othman, 2014). Selain itu, ia dapat membantu mengurangkan penguasaan sesebuah syarikat atau organisasi

(monopoli) dalam rantaian bekalan tersebut. Ini kerana rantaian bekalan amat sensitif dengan penentuan harga produk.

Akta Persaingan 2010 telah digubal untuk menggalakkan dan mempromosikan perkembangan ekonomi di Malaysia dengan cara menggalakkan proses persaingan dalam pasaran. Persaingan yang sihat seterusnya menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan. Usaha ini secara tidak langsung memberikan faedah kepada pengguna secara umum dalam bentuk produk yang berkualiti, harga yang berpatutan serta pilihan yang pelbagai kepada pengguna. Berdasarkan objektif ini, matlamat utama Akta Persaingan 2010 adalah untuk mencapai objektif ekonomi yang diterjemahkan dalam bentuk kecekapan dan inovasi.

Matlamat utama hasil pelaksanaan undang-undang persaingan adalah untuk mencapai perkembangan ekonomi sejajar dengan visi negara untuk mencapai tahap negara maju menjelang tahun 2020.

Bagi memastikan Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, ditubuhkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Malaysian Competition Commission (MyCC)) di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010. Suruhanjaya Persaingan Malaysia mempunyai kuasa untuk melakukan siasatan terhadap aduan aktiviti antipersaingan, membuat keputusan, mengenakan penalti, serta menjalankan semakan pasaran (market review). Suruhanjaya Persaingan Malaysia juga bertindak sebagai penasihat kepada kerajaan berkenaan dengan isu persaingan di Malaysia serta mempunyai kuasa untuk merangka serta mewujudkan garis panduan untuk memastikan Akta Persaingan 2010 dilaksanakan dengan telus, cekap dan berkesan.

Akta ini merupakan satu bentuk perundangan yang mengawal selia aktiviti perusahaan dalam pasaran. Walaupun undang-undang persaingan bukanlah undang-undang pengguna, struktur keseluruhan undang-undang persaingan dirangka dengan mengambil kira kepentingan pengguna. Pengguna dapat menikmati faedah secara tidak langsung daripada perlindungan proses persaingan dengan menikmati harga yang rendah, produk atau perkhidmatan yang berkualiti serta pilihan yang pelbagai. Penguatkuasaan seksyen 10 Akta Persaingan pula jelas dapat membantu perusahaan kecil bersaing dengan perusahaan yang lebih besar. Hal ini demikian kerana seksyen 10 melarang sebarang bentuk salah guna kuasa dominan oleh perusahaan yang mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran. Seperti yang dinyatakan, salah satu cara untuk menentukan sama ada sesebuah perusahaan itu mempunyai kuasa dominan atau tidak adalah dengan melihat kepada bahagian pasaran sesebuah perusahaan.

Hal ini bermakna perusahaan kecil yang mempunyai bahagian pasaran yang rendah mungkin tidak akan tertakluk pada seksyen 10 Akta Persaingan. Seksyen 10(2) Akta Persaingan 2010 dengan jelas menggariskan beberapa contoh tindakan yang dianggap salah guna kuasa dominan. Walaupun menjadi entiti yang dominan, bukanlah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Persaingan 2010. Akta ini mengawal selia aktiviti perusahaan yang terbukti mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran. Sebagai contoh, Akta Persaingan melarang perusahaan yang mempunyai kuasa dominan mengenakan harga diskriminasi atau himpitan margin kepada perusahaan lain yang mempunyai tahap kecekapan yang sama sehingga perusahaan tersebut terpaksa keluar daripada pasaran kerana tidak mampu bersaing. Hal ini dapat dilihat dalam satu-satunya kes di bawah seksyen 10 Akta Persaingan, iaitu kes Megasteel Sdn. Bhd. Megasteel Sdn. Bhd. ialah satu-satunya pengeluar Gegalung Tergelek Panas (Hot Rolled Coil (HRC)).

Seksyen 4(2)(1) Akta Persaingan 2010 dengan jelas melarang perusahaan yang menduduki kuasa dominan menyalahgunakan kedudukan tersebut secara eksploitasi dengan mengenakan harga serta syarat perniagaan yang tidak adil. Harga yang tidak adil bukan sahaja termasuk harga yang terlalu tinggi, malahan juga harga yang terlalu rendah. Hal ini demikian kerana kedudukan kuasa dominan bukan sahaja boleh berlaku pada pihak penjual, malahan pada pihak pembeli, iaitu perusahaan yang mempunyai kuasa membeli. Perkara ini dilihat ketara dalam sektor tertentu seperti sektor pertanian. Sebagai contoh, sekiranya sesebuah perusahaan diberikan hak atau lesen eksklusif untuk membeli hasil pertanian daripada individu atau perusahaan kecil, Akta Persaingan 2010 memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan perusahaan ini tidak menyalahgunakan kuasa monopoli untuk menawarkan harga yang terlalu rendah atau menghadkan permintaan untuk memastikan penjual menurunkan harga tanpa sebarang justifikasi atau faedah kepada pengguna.

Penutup

Malaysia memiliki kerangka perundangan komprehensif dalam usaha membantu pengguna meringankan tekanan akibat penindasan dan penganiayaan oleh peniaga-peniaga dan pihak-pihak yang lebih dominan dalam transaksinya dengan pengguna. Kerajaan telah berusaha keras dari masa ke semasa untuk menghasilkan satu sistem keadilan yang boleh diakses oleh pengguna tanpa mengira batasan.

Kerajaan mempunyai kuasa kawalan dalam aspek tertentu. Antaranya ialah menggubal undang-undang perlindungan pengguna yang dapat mengawalselia, memantau, dan memastikan bekalan barang keperluan mencukupi, harga barang berpatutan dan pasaran bebas dari monopoli pembekal. Antara contoh undang-undang yang telah diperkenalkan adalah Akta Kawalan Harga 1946, Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Persaingan 2010. Kesemua statut tersebut bertujuan untuk menentukan harga barang adalah berpatutan dalam sebarang keadaan dan dalam masa yang sama memberi peluang kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga sebelum membeli barangan. Di samping mengawal dan memantau aktiviti tidak sihat dalam pasaran iaitu monopoli yang memberi kesan negatif kepada pasaran harga barangan pengguna.

Rujukan

- Ahmad Esa (2002). Pengetahuan, Amalan, Dan Sikap Peniaga Kecil Terhadap Etika Perniagaan : Satu Kajian Rintis, KUiTTHO.
- Sobri Salamon (1989). Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem Dan Kemungkinan. Al- Rahmaniah, Petaling Jaya, Malaysia.
- Evans, J. R., & Collier, D. A. (2007). Operations Management: An Integrated Goods and Services Approach. South-Western: Cengage Learning.
- Mohamad Zailani, S. H., Ahmad, Z. A., Abd Wahid, N., Othman, R., & Fernando, Y. (2010). Recommendations to strengthen Halal food supply chain for food industry in Malaysia. *Journal of Agribusiness Marketing, Special Edition*, 91-105.
- Mohamed Arshad, F., & Shamsudin, M. N. (2007). Pemasaran makanan di Malaysia: Transformasi dan implikasi polisi. *Economic and Technology Management Review*, 2, 45-61.
- Nik Mohd Masdek, N. R., & Othman, M. F. (2014). Supply chain management practices as a source of competitive advantage for food processing SMEs in Peninsular Malaysia. *Economic and Technology Management Review*, 9a, 19-28.

- Radzi, R., Saidon, I. M., & Ab Ghani, N. (2015). Overcoming barriers of food supply chain in Malaysia by Japanese food companies. *Research Journal of Business and Management*, 2(3).
- Azimon Abdul Aziz, et.al (2011) Permasalahan dalam Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pengguna: Impak ke atas Pengguna dalam Mendapatkan Keadilan (dlm.) PROSIDING PERKEM VI, JILID 1 Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup, Melaka Bandaraya Bersejarah, 5 – 7 Jun 2011.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Rahmah Ismail, (2008) Perlindungan Pengguna Di Bawah Undang-Undang: Pembekalan Barang & Perkhidmatan (Dlm.) *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, Bangi:UKM.
- Zalina Zakaria, (2007), Isu-Isu Terkini Tentang Pengguna Di Malaysia, *Jurnal Syariah* (Volume 15, No. 2, 2007, pp 45- 60, Kuala Lumpur:APIUM
- www.kpdnkk.gov.my. Portal Rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Malaysia.
- www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06102011.pdf akses pada 20 Februari 2017
- www.scribd.com/doc/22370591/kesan-kenaikan-harga-minyak-terhadap-masyarakat akses pada 20 Februari 2017
- Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011
- Akta Kawalan Bekalan 1961.
- Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2013
- Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2013
- Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993
- <http://www.kpdnkk.gov.my/kpdnkkv3> akses pada 20 Februari 2017
- Akta Persaingan 2010 (Malaysia).
- Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Malaysia)
- Consumer International, Asia Pacific Office, 2003. "Competition Policy and Law in the Consumer and Development Interest". Kertas kerja Communication to United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). Trade and Development Board, Intergovernmental Group of Experts on Competition Law and Policy, 2-4 Julai 2003.
- Nasarudin Abdul Rahman (2016), Peranan Undang-undang Persaingan dalam Melindungi Kepentingan Pengguna dan Pengusaha Kecil, *Makalah Kanun*, Jld.28, Bil.1, Kuala Lumpur:DBP